

08/10/2000

Guru kutuk pemimpin diberikan kata dua

SUBANG JAYA: Guru yang menentang kerajaan dan mengutuk pemimpin negara hanya mempunyai dua pilihan, sama ada meletakkan jawatan atau bertaubat, kata Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Abdul Aziz Shamsuddin.

Katanya, jika guru itu berani, dia mesti meletakkan jawatan, jika tidak, mereka dianggap hipokrit dan orang seperti itu tidak dikehendaki negara.

"Mereka boleh diibaratkan mencurahkan asid ke muka orang yang memberi mereka makan dan peluang belajar serta mendapatkan pekerjaan," katanya pada sidang akhbar selepas majlis pelancaran Wacana Kecemerlangan Akademik Subang 2000 anjuran Biro Pendidikan Umno Subang dan Kolej Inpens di sini, semalam.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas laporan seorang guru agama Sekolah Menengah Agama (SMA) Sultan Muhammad di Batu Berendam, Melaka yang didakwa menghasut pelajar supaya membenci Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Guru agama yang juga dipanggil ustaz itu dikatakan memberikan ceramah politik pembangkang dengan mengatakan "Dr Mahathir sudah tua, sakit dan tidak layak jadi Perdana Menteri."

Guru agama itu juga mendakwa penarikan royalti minyak kepada kerajaan Pas di Terengganu, satu bukti kerajaan zalim dan mendakwa berlaku pilih kasih dalam pembahagian rumah awam serta beberapa isu lain yang berbentuk fitnah dan hasutan supaya pelajar membenci kerajaan.

(END)